

## **PERSEPSI PELAJAR TAHUN 4 TERHADAP KEMAHIRAN GENERIK DI UTM SKUDAI, JOHOR.**

Norani Binti Mohd Noor & Noratna Binti Mohammad  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Terdapat tujuh kemahiran generik yang telah diterapkan di UTM iaitu Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Keusahawanan, Etika dan Integriti serta Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik, mengenalpasti penerapan yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan mengenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh pelajar dalam menguasai kemahiran generik. Sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah pelajar-pelajar tahun empat jurusan Elektrik, Awam dan Jentera di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor Bahru, Johor iaitu seramai 51 orang. Data diperoleh menggunakan kaedah soal selidik dan dianalisis menggunakan SPSS 15.0 secara statistik deskriptif. Hasil dapatan kajian mendapati, majoriti pelajar menyatakan bahawa kemahiran generik adalah penting dalam diri setiap individu terutamanya kemahiran komunikasi, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Kerja Berpasukan serta Etika dan Integriti. Hasil kajian juga mendapati bahawa majoriti pelajar bersetuju dengan kaedah penerapan yang telah dilakukan oleh pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran terutamanya sesi perbincangan dalam kelas dan membentuk dan membuat tugasan secara berkumpulan. Selain itu, kajian ini juga mendapati majoriti pelajar telah mengambil langkah yang proaktif dalam menguasai kemahiran ini seperti melayari internet dalam menambah pengetahuan dan menghantar tugasan sebelum tamat tempoh yang telah ditetapkan.

**ABSTRACT:** There were seven generic skills that have been inscribed in UTM such as Communicative Skills, Critical Thinking & Problem Solving Skills, Teamwork, Information Management & Lifelong Learning Skills, Entrepreneurship Skills, Ethics & Integrity and Leadership Skills & Proactive. The objective of this study are to identify student's perception on generic skill interest, identify their application which occurred during teaching and learning process and identify step that have been taken by student to mastered generic skills. Samples that have been use by researcher are year four students of Electrical Engineering, Civil Engineering and Mechanical Engineering in faculty of education, University Technology Malaysia (UTM) Skudai, Johor Bahru, Johor as many as 51 students. Data have been collected using questionnaire and have been analyzed using SPSS 15.0 as descriptive statistics. Retrieval result study founded that, majority of students states that generic skills would be vital in each self individual especially communication skill, Teamwork, Information Management & Lifelong Learning Skills and Ethics & Integrity. Survey results also found that majority of students application by way has been committed by current lecturer education session and learning especially in class discussion session and form and make assignment collectively. Apart from that, this study also found that majority of the students has taken proactive move in mastered skills this is as surf inside internet augment knowledge and send assignment before expiry has been set.

**Katakunci:** Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis, Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

## **PENGENALAN**

Di era globalisasi ini, pekerja bukan sahaja perlu mempunyai segulung ijazah atau diploma mahupun sijil, akan tetapi kemahiran-kemahiran lain seperti komunikasi, proaktif, berfikiran kritis dan lain-lain juga diambilkira. Hanya mereka yang berdaya saing tinggi, kreatif, inovatif, pandai berkomunikasi dan berdisiplin dengan diiringi kemahiran profesionallisme dan kompetensi sahaja yang akan mampu bersaing dan mendapat tempat di alam pekerjaan nanti.

Masalah pengangguran di kalangan graduan universiti bukan lagi merupakan sesuatu yang dianggap janggal dewasa ini. Ianya sering dibincangkan sama ada di peringkat Kementerian, Universiti malah ianya juga merupakan suatu isu yang sering mendapat perhatian pihak media dan juga masyarakat umum. Salah satu isu yang dikatakan merupakan faktor penyebab ialah disebabkan kekurangan dan kelemahan (kemahiran) graduan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi itu sendiri.

### **Penyataan Masalah**

Memandangkan program atribut graduan mula diterapkan oleh pihak universiti pada pelajar bermula pada tahun 2004, ini telah menimbulkan minat pengkaji untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap kemahiran generik yang telah diterapkan di UTM dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Objektif Kajian**

Untuk memenuhi keperluan kajian, terdapat beberapa objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pihak pengkaji sebagai panduan semasa kajian. Objektif kajian ini adalah:-

1. Menenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik.
2. Menenalpasti penerapan kemahiran generik yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Menenalpasti langkah-langkah yang diambil oleh pelajar dalam menguasai kemahiran generik.

### **Kepentingan Kajian**

Dari hasil kajian ini diharap ia akan dapat membantu pihak universiti untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar tentang kemahiran generik yang telah diterapkan di UTM. Selain itu dengan persepsi tersebut juga ia akan dapat membantu pihak universiti yang berkaitan untuk mengubahsuai atau menambah baik program-program yang sedia ada bagi meningkatkan lagi hasilnya.

Selain itu, dengan adanya kajian ini ia diharap akan dapat membuka minda pelajar-pelajar tentang kemahiran generik ini dan sejauh mana kepentingannya kepada pelajar itu sendiri. Ia juga diharap akan menimbulkan minat kepada pelajar untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas ini di samping juga melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran kursus bagi menghadapi dunia pekerjaan yang penuh cabaran dan persaingan.

### **Skop Kajian**

Kajian akan dijalankan terhadap pelajar-pelajar tahun empat fakulti pendidikan jurusan awam, elektrik dan jentera di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kampus skudai, Johor.

## **METODOLOGI**

### **Sampel Kajian**

Sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah pelajar-pelajar tahun empat jurusan Awam, Elektrik dan Jentera di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor Bahru, Johor.

Penyelidik menggunakan semua populasi daripada pelajar-pelajar yang telah disebut diatas iaitu seramai 51 orang.

### **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik digunakan untuk kajian ini kerana ia merupakan kaedah yang paling praktikal dan sesuai untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A tentang maklumat atau profil responden dan bahagian B mengenai persepsi pelajar tentang penerapan Kemahiran Generik di UTM yang mana ia akan memenuhi ketiga-tiga objektif kajian.

Skala yang digunakan di dalam kajian ini adalah skala lima mata. Untuk skala ini, responden perlu menjawab berdasarkan tahap kepentingan bagi bahagian 1 dan tahap persetujuan bagi bahagian 2 sesuatu item tersebut iaitu daripada sangat tidak penting kepada sangat penting serta sangat tidak setuju kepada sangat setuju.

## **PERBINCANGAN**

### **Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik**

Menurut Esa (2000), bagi menghadapi cabaran dunia pekerjaan sekarang, pencapaian akademik semata-mata tidak cukup untuk memenuhi kehendak majikan. Seorang mahasiswa perlu mempunyai akademik dan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran komunikasi dalam menjamin tempat di pasaran pekerjaan.

Lowry (1997), kemahiran amat penting di tempat kerja terutamanya kemahiran komunikasi. Kemahiran seperti ini dikatakan perlu diterapkan sejak mereka di IPT lagi kerana apabila mereka sudah mahir dengan kemahiran tersebut, mereka akan dapat mengaplikasikan kemahiran komunikasi semasa mereka bekerja kelak.

Hellinghausen dan Myers (1998), majoriti majikan sekarang amat menitikberatkan pengambilan pekerja yang mempunyai kemahiran generik. Ini kerana mereka percaya pekerja yang mempunyai kemahiran generik akan mampu meningkatkan produktiviti syarikat berbanding pekerja yang tidak mempunyai kemahiran generik. Antara kemahiran generik yang paling menjadi tumpuan majikan adalah kemahiran komunikasi dan kemahiran bekerja dalam kumpulan.

Menyedari kepentingan kemahiran generik ini, kajian ini telah dijalankan dimana objektif yang pertama dalam kajian ini adalah mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik. Objektif ini dipilih kerana banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan kepentingan kemahiran generik dan rata-rata mengatakan bahawa kemahiran generik ini memang amat penting kepada individu. UTM sendiri telah mengambil langkah untuk menerapkan kemahiran generik ini di kalangan setiap pelajarannya sebagai persediaan untuk keluar bekerja kelak, akan tetapi kita tidak pernah tahu persepsi pelajar tentang kepentingan kemahiran generik. Adakah pelajar tahu akan kepentingan kemahiran ini?

Persoalan ini terjawab apabila pengkaji mendapati majoriti responden kajian menyatakan bahawa kemahiran generik ini memang suatu kemahiran yang amat penting dan amat diperlukan untuk mereka berjaya. Ini terbukti dengan data-data yang diperolehi dalam bab empat kajian. Majoriti responden tahu akan kepentingan kemahiran ini dan ada yang mengambil langkah proaktif untuk memantapkan lagi penguasaan kemahiran ini dalam diri mereka.

Terdapat pelbagai kemahiran generik yang digariskan oleh sesuatu organisasi mahupun dasar kerajaan, namun dalam kajian ini kemahiran generik adalah tertakluk kepada kemahiran generik yang digariskan oleh UTM iaitu Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Keusahawanan, Etika dan Integriti serta Kemahiran Kepimpinan dan Proaktif.

Kajian ini telah mendapatkan data mengenai persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik dengan 14 item soalan. Didapati secara keseluruhannya, persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik adalah amat tinggi dimana kepentingan kemahiran generik ini telah disokong oleh pelajar dalam setiap item yang telah dikemukakan dalam soal selidik.

Berdasarkan analisis data di bab empat dapat dirumuskan bahawa persepsi pelajar terhadap ketujuh-tujuh atribut kemahiran generik di UTM adalah sangat penting dalam membangunkan interpersonal diri dalam setiap pelajar. Ini juga membuktikan bahawa pelajar sedar akan kepentingan kemahiran generik yang perlu dikuasai dalam memajukan diri dalam pembelajaran juga untuk keluar berkerja kelak.

Disini juga dapat dirumuskan bahawa apabila terdapat kesedaran tentang kepentingan kemahiran generik dalam diri pelajar, berkemungkinan pelajar akan mencari inisiatif sendiri untuk menguasai kemahiran-kemahiran yang ada dalam kemahiran generik.

Selain itu, persepsi kepentingan kemahiran generik yang paling tinggi adalah bertutur dan menulis dengan jelas (kemahiran komunikasi), berinteraksi secara interaktif (kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berkumpulan), melayari internet untuk menambahkan pengetahuan (pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat) serta bertanggungjawab dalam menjalankan tugas (berdisiplin dan beretika).

Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Azizi (2001) dimana menurut beliau, semasa bekerja kita bukan hanya memerlukan kemahiran teknikal akan tetapi kemahiran bukan teknikal seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berkumpulan juga diperlukan kerana seorang pekerja perlu berinteraksi dengan pekerja lain dan perlu menulis (laporan) dengan jelas agar dapat difahami oleh orang lain.

Dengan penguasaan kemahiran generik ini kedudukan pelajar di pasaran pekerjaan akan terjamin. Ini kerana kajian yang dijalankan oleh Rosmawati (2000) ada menyatakan bahawa, penilaian majikan kepada bakal pekerjanya adalah tertakluk kepada kemahiran generik yang ada seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran kepimpinan, etika dan integriti dan pemikiran yang kreatif dan kritis selain kelulusan akademik.

Persepsi kepentingan kemahiran generik yang kedua tertinggi adalah berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan masalah (kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis), mempertimbangkan pelbagai alternatif dalam menyelesaikan masalah (kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis), berupaya bekerjasama dengan orang lain (kemahiran kerja berkumpulan), berdisiplin dalam melakukan kerja (berdisiplin dan beretika), kebolehan memberi arahan yang jelas kepada setiap ahli dalam kumpulan (kemahiran kepimpinan) serta kebolehan mengawal ahli kumpulan dalam mencapai satu matlamat (kemahiran kepimpinan).

Menurut Adam (2003), individu yang dapat menyelesaikan masalah dengan pelbagai alternatif merupakan individu yang mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Kajian Lane (2001) ada menyatakan bahawa banyak syarikat tidak ingin mengambil pekerja yang hanya mempunyai akedemik sahaja kerana mereka percaya kemahiran teknikal (akedemik) tidak membantu dalam proses menyelesaikan masalah. Masalah hanya akan selesai jika mereka ingin menangani, faham masalah dan memikirkan pelbagai alternatif dalam menyelesaikan masalah tersebut. Kemahiran yang terlibat adalah kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kerja berkumpulan.

Menurut Lankard (1990) dalam Azalya, antara kemahiran asas yang menjadi penentu seseorang diterima bekerja oleh majikan adalah seseorang yang mempunyai kelakuan dan perlakuan yang baik, pandai berkomunikasi, boleh membina hubungan yang baik dengan orang lain, dapat menyelesaikan sesuatu masalah dan boleh mengurus sesuatu kerja.

Persepsi pelajar terhadap kepentingan kemahiran generik yang paling mendapat skor min yang rendah adalah seperti fasih berbahasa Inggeris (kemahiran komunikasi), membaca buku-buku bagi menambah bahan bacaan selain nota yang diberikan di dalam kelas (pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat), menggunakan pengetahuan yang ada untuk mencari peluang-peluang perniagaan (kemahiran keusahawanan) serta kebolehan membuat rundingan dengan baik (kemahiran keusahawanan).

Dapatan kajian ini juga disokong dengan kajian Siti Hajar (2005) yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan pelajar tentang kemahiran generik serta kepentingannya adalah tinggi terutamanya dalam kemahiran kerja secara berkumpulan dan keyakinan diri.

Ini adalah selari dengan permintaan majikan yang inginkan bakal pekerja dilengkapkan dengan kemahiran generik yang tertentu. Ini adalah kerana majikan percaya apabila seseorang pekerja memiliki kemahiran generik, ia akan dapat meningkatkan produktiviti syarikat dan seterusnya memajukan lagi syarikat tersebut. Selain itu pekerja yang mempunyai kemahiran generik dikatakan kurang melakukan kesilapan dan amat proaktif (Azalya, 2003).

### **Penerapan Kemahiran Generik Yang Berlaku Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran**

Mohd Safarin (2004), kemahiran generik yang diterapkan oleh Kementerian Pendidikan kepada pelajar perlulah dipertimbangkan samada relevan, berguna dan untuk jangka masa yang lama serta boleh menguatkan sistem pendidikan dan menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat. Dalam konteks untuk pendidikan tinggi, kemahiran generik tersebut hendaklah berfaedah dan penting untuk para graduan dalam menceburi semua bidang kerjaya dan memenuhi keperluan dan kehendak majikan masa kini.

Dalam bahagian penerapan kemahiran generik yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula, kajian telah menyediakan tujuh item dan telah mendapat respon daripada responden kajian. Bahagian ini ingin mengetahui pendapat pelajar tentang penerapan yang dilakukan sesama sesi pengajaran dan pembelajaran dalam menguasai kemahiran generik. Perolehan kajian adalah berdasarkan persetujuan pelajar dengan kaedah atau cara yang digunakan oleh pensyarah.

Rumusan yang dapat dilihat daripada taburan data yang diperolehi dalam bab empat adalah majoriti pelajar atau responden adalah bersetuju dengan kaedah dan cara pensyarah jalankan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam menerapkan kemahiran generik dalam diri pelajar. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan skor min pada setiap item dalam bahagian ini adalah tinggi. Skor min menunjukkan aras persetujuan pelajar adalah tinggi secara keseluruhannya.

Penerapan yang paling mendapat sokongan daripada responden adalah perbincangan di dalam kelas serta membentuk dan membuat tugas secara kumpulan dimana skor min kedua-dua kaedah ini adalah sebanyak 4.2. Ini menunjukkan dua kaedah ini amat disukai oleh pelajar dan penerapan kemahiran generik paling efektif di dalam dua sesi ini.

Fulhan (1990), tugas secara berkumpulan mampu meningkatkan kemahiran generik kerana bagi menayakan tugas berkumpulan, ahli kumpulan perlu mengurus perjalanan kumpulan dari awal hingga siap tugas secara bersama. Apabila tugas dapat disiapkan dengan baik sebelum tamat tempohnya, ini bermakna pelajar telah berjaya menerapkan kemahiran generik di dalam diri setiap ahli kumpulan.

Amalan bekerja secara berkumpulan ini jika sentiasa di amalkan di universiti, pengkaji percaya ia akan menjadi satu kebiasaan dan pelajar tidak akan kekok untuk mengamalkannya semasa di tempat kerja kelak. Amalan bekerja secara kumpulan pada pendapat pengkaji perlu di perbanyakkan lagi kerana bukan sahaja tugas dapat disiapkan malah pensyarah dapat menerapkan kemahiran generik dalam diri pelajar secara efektif.

Penerapan yang kedua tinggi skor minnya adalah sesi 'brainstorming', sesi perbentangan dan sesi soal jawab di dalam kelas iaitu sebanyak 4.1. Ketiga-tiga sesi ini menerapkan keyakinan diri pelajar dalam melontarkan pendapat dan bercakap di khalayak ramai, pemikiran secara kreatif dan kritis serta kemahiran komunikasi yang tinggi dimana pelajar perlu berkomunikasi secara jelas dengan pensyarah serta rakan sekelas.

Menurut Siti Hajar (2005), penglibatan dalam kelas adalah kaedah yang sangat berkesan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran generik dalam diri pelajar. Ini kerana apabila pelajar memberi jawapan terhadap soalan yang diajukan oleh pensyarah ini menunjukkan pelajar tersebut mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan melatih pelajar tersebut untuk berkomunikasi dengan baik.

Chatarina (2005), ada menyatakan bahawa seseorang yang mendengar secara aktif, kemudian mendengar pendapat orang lain dan seterusnya akan cuba menjana idea dalam menyelesaikan sesuatu masalah, dia akan dapat mengeluarkan idea-idea baru yang bernas.

Michelle Tullier (2000), dalam "The Skills You Have and The Skills They Want", menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran yang sering dilihat oleh majikan dalam memilih bakal pekerja adalah seperti kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran komunikasi, kemahiran intrapersonal, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, kemahiran memahami budaya dan kemahiran bekerja dengan orang lain. Beliau juga ada menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran kompetensi ini boleh diterapkan dan dipertingkatkan semasa di alam persekolahan.

Oleh yang demikian, jika sesi ini di buat di dalam kelas, pensyarah bukan sahaja dapat menerapkan keyakinan diri dalam diri pelajar malahan sekaligus dapat membantu pelajar menguasai kemahiran komunikasi dan menjana pemikiran kreatif dan kritis. Sesi soal jawab dan 'brainstorming' merupakan antara sesi yang agak digemari oleh pelajar. Dengan itu, pada pandangan pengkaji, pensyarah perlu memperbanyakkan lagi sesi yang seperti ini akan tetapi perlu menyediakan suasana yang lebih menyeronokkan bagi menarik lebih banyak respon dari pelajar.

Hasil dapatan ini juga adalah selari dengan hasil dapatan objektif yang pertama dimana persepsi pelajar (responden) terhadap kepentingan kemahiran generik adalah tinggi dan pada masa yang sama pelajar juga bersetuju dengan kaedah dan cara yang digunakan oleh pensyarah dalam menjana kemahiran generik. Ini adalah selari dengan moto baru UTM iaitu "Inspiring, Creative and Innovative Minds" akan dapat dicapai.

Disamping itu, kaedah pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah seperti dalam item adalah berpadanan dengan konsep pembelajaran berpusatkan pada pelajar yang sama dengan model kearns (2001). Model ini menyatakan bahawa pembelajaran berpusatkan pelajar akan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran generik dikalangan pelajar. Ini adalah kerana pelajar akan lebih banyak berfikir dalam setiap aktiviti yang perlu dibuat dan pelajar perlu menjadi proaktif dalam menjayakan tugas yang diberi.

Apabila persetujuan pelajar tinggi selari dengan kaedah yang ingin dijalankan oleh pensyarah dalam menjana kemahiran generik dalam diri pelajar, berkemungkinan penerapan yang ingin dilakukan oleh UTM dalam setiap pelajar-pelajarnya akan berlaku dengan cemerlang dan bakal-bakal pekerja ini akan mendapat tempat di dunia pekerjaan kelak.

Buletin pengajaran & pembelajaran, Edisi 2, September (2004) ada menyatakan bahawa bagi memastikan atribut graduan UTM yang telah ditetapkan itu boleh dicapai, Pejabat Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) sekali lagi diberi amanah untuk melaksanakan pelbagai bentuk program yang berkaitan. Antara faktor yang diyakini memberi impak yang signifikan ialah dari aspek pendekatan atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang akan diamalkan. Antara program yang sedang giat dilaksanakan ialah pembelajaran kooperatif dan pembelajaran berasaskan masalah.

Kaedah yang paling tidak mendapat sokongan daripada pelajar adalah seperti bertanyakan pendapat pelajar tentang isu-isu semasa dan memberikan judul buku-buku rujukan yang berkaitan dengan subjek yang diajar. Walaupun dua kaedah ini tidak begitu mendapat sokongan lebih seperti kaedah-kaedah yang lain, skor min yang diperolehinya masih lagi boleh dikategorikan sebagai tinggi.

Menurut McCracken (1986) dalam Farazawani ada menyatakan bahawa pada pendapat majikan, kemahiran generik perlu diterapkan kepada pelajar semasa mereka di sekolah dan kemahiran khusus akan diterapkan semasa di industri semasa mereka mula bekerja. Selain itu, majikan juga telah mencadangkan supaya kurikulum diseimbangkan antara akedemik dan amali.

### **Langkah-Langkah Yang Diambil Oleh Pelajar Dalam Menguasai Kemahiran Generik**

Bahagian ini merupakan penumpuan kajian dalam mencapai objektif yang ketiga iaitu langkah-langkah yang diambil oleh pelajar dalam menguasai kemahiran generik. Terdapat tujuh item yang disediakan dalam kajian dan telah mendapat respon daripada 51 orang responden. Taburan data yang diperolehi telah diterangkan di dalam bab empat.

Tujuan objektif ini diwujudkan dalam kajian ini adalah untuk melihat langkah-langkah yang diambil oleh pelajar dalam menguasai kemahiran generik tidak kira samada dalam kuliah atau diluar bilik kuliah. Item akan menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelajar dalam menjana kemahiran generik dan pelajar (responden) akan menyatakan samada mereka sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju dengan langkah-langkah tersebut.

Rumusan yang dapat dibuat pada keseluruhan item dalam bahagian ini adalah, pelajar bersetuju dengan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menguasai kemahiran generik. Ini dapat di buktikan dengan skor min yang tinggi diperolehi pada setiap item dalam bahagian objektif ketiga kajian ini. Skor-skor ini dapat dilihat dengan teratur bagi setiap item di dalam bentuk jadual di dalam bab sebelum ini iaitu bab analisis data.

Antara langkah-langkah yang paling mendapat sokongan responden adalah menghantar tugas sebelum tamat tempoh yang telah ditetapkan dimana skor minnya adalah yang tertinggi iaitu 4.2. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini ada sikap bertanggungjawab, berdisiplin serta beretika. Bagi pelajar yang masih tidak menghantar tugas selepas tarikh yang telah ditetapkan, bagi pendapat pengkaji, pensyarah

perlu menggunakan inisiatif tertentu sebagai galakkan dan seterusnya melatih pelajar terbabit berdisiplin. Antara inisiatifnya adalah memberikan markah yang lebih kepada pelajar yang menghantar sebelum tarikh tamat yang telah ditetapkan.

Kanapathy (2000), seseorang yang beretika akan dapat menjalankan tugas dengan baik dan berdisiplin dalam mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan. Seseorang yang beretika juga merupakan seorang yang bertanggungjawab terhadap kerjanya dan dapat membezakan perkara-perkara yang salah dan yang patut dibuat.

Dengan penerapan kemahiran etika dan integriti ini, selain pelajar menghantar tugas dalam tempoh yang telah ditetapkan, pelajar juga akan mengamalkan perkara yang sama dimana akan menyiapkan tugas yang diberikan oleh ketua dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, ini juga menunjukkan bahawa pelajar tersebut telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menyiapkan tugas tersebut dalam tempoh yang sepatutnya.

Langkah kedua yang dipersetujui oleh responden dalam menguasai kemahiran generik adalah aktif semasa sesi soal jawab di dalam kelas, sering membuat perbincangan secara berkumpulan, menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan menggunakan pelbagai alternatif serta menambah pengetahuan dalam sesuatu topik dengan melayari internet. Daripada dapatan ini, pensyarah atau pihak UTM boleh bertindak membuat program atau menyediakan fasiliti yang selesa bagi menggalakkan lagi pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti seperti yang telah dinyatakan diatas.

Paton (1997) dalam Siti Hajar ada menyatakan bahawa kemahiran generik perlu diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, sebaiknya semenjak tahun satu pengajian mereka. Ini kerana penerapan awal akan memberikan impak yang lebih kepada pelajar dan sekaligus akan memudahkan lagi untuk menerapkan budaya yang sama di tahun pengajian yang seterusnya dan akhirnya di alam pekerjaan.

Amalan penerapan kemahiran generik ini jika dapat disebatikan dalam jiwa pelajar, ia akan membentuk seorang individu yang senantiasa berusaha mencari dan memperbaiki serta menambah kemahiran yang ada. Jika setiap bakal graduan bersikap demikian, pengkaji percaya pelajar-pelajar tidak lagi perlu takut dengan perkataan pengangguran. Ini kerana seorang pekerja yang berkualiti akan dapat menembusi pasaran pekerjaan bukan sahaja dalam negara malah di peringkat global.

Langkah penguasaan kemahiran generik yang ketiga adalah menjadi ketua dalam tugas berkumpulan dan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum. Walaupun ini adalah langkah yang ketiga iaitu yang terakhir menjadi pilihan pelajar, hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang tidak bersetuju dengan langkah penguasaan ini. Majoriti yang lain masih mengatakan yang mereka bersetuju dengan kedua-dua langkah terbut adalah salah satu langkah untuk menguasai kemahiran generik.

Dapatan kajian ini juga telah disokong oleh kajian Ismail Zain (2007) dimana beliau ada menyatakan bahawa potensi individu (pelajar) mampu dikembangkan secara berterusan melalui samada aktiviti-aktiviti dalam kurikulum mahu pun aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam kokurikulum.

Esa (2000), penglibatan pelajar dalam gerak kerja kepimpinan pelajar seperti menyertai persatuan bulan sabit merah, pengakap, lembaga pengawas dan bermacam-macam lagi mampu membina disiplin jati diri yang kental dan mampu menjana kemahiran generik dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Di dalam kajian Siti Hajar (2005) juga ada menyatakan bahawa pelajar gemar menjalankan aktiviti ko-kurikulum kerana ia dapat membantu pelajar membentuk amalan kerja berpasukan. Ini akan membantu pelajar bukan sahaja dapat menguasai kemahiran kerja berpasukan malah dapat menguasai ilmu-ilmu



yang lain seperti mengikat tali, kehidupan dalam hutan, cara bermain badminton yang betul dan banyak lagi.

Berdasarkan model yang dikemukakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam Kamariah Zakaria (2000) kemahiran menyelesaikan masalah adalah salah satu komponen dalam kemahiran berfikir. Bagi melahirkan pelajar yang dapat menyelesaikan masalah, guru hendaklah mengalakkan pelajar-pelajarnya untuk belajar berfikir semasa proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Komponen-komponen yang lain yang juga terkandung dalam kemahiran berfikir adalah kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, kemahiran dalam membuat keputusan serta kemahiran belajar. Kemahiran-kemahiran generik ini adalah merupakan antara kemahiran generik yang perlu pelajar kuasai pada masa kini.

Kajian ini telah membuktikan bahawa kaedah atau cara yang digunakan oleh pensyarah amat efektif dalam menerapkan kemahiran generik dalam diri setiap pelajar. Dengan dapatan ini juga, pensyarah boleh memperbanyakkan lagi sesi-sesi yang seumpamanya bagi memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap kemahiran tersebut. Apabila terdapatnya kesedaran dalam diri pelajar serta galakan dari pensyarah atau pihak UTM, pengkaji percaya penerapan kemahiran generik dalam diri pelajar akan berjalan dengan lancar dan berkesan.

Penguasaan kemahiran generik kini telah menjadi salah satu kepentingan kepada pelajar selain kemahiran profesionallisme masing-masing. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan masih terdapat segelintir pelajar yang masih menganggap kemahiran generik adalah merupakan kemahiran yang tidak begitu penting untuk dikuasai terutamanya bagi kemahiran keusahawanan. Walaupun bilangan mereka ini sangat kecil, jika dibiarkan mereka-mereka ini terus hanyut dalam mengejar ilmu profesionallisme sahaja mereka mungkin akan tercicir dan di kkuatiri akan menjadi salah seorang yang bakal di gelar graduan menganggur.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan di awal permulaan kajian iaitu di dalam bab satu. Segala soalan-soalan yang ditanya kepada responden telah menjawab persoalan kajian ini. Bakal graduan yang mana akan menjadi bakal pekerja di dunia pekerjaan kelak perlulah menguasai dan melengkapkan diri dengan kemahiran generik supaya dapat bersaing dan mendapat tempat yang diidamkan. Dengan penguasaan kemahiran generik yang baik, bakal pekerja ini juga bukan sahaja dapat bersaing dalam negara malah akan dapat bersaing di peringkat global. Ini telah dibuktikan oleh banyak kajian bukan sahaja dalam negara malah diluar negara juga menyatakan bahawa majikan amat menitikberatkan aspek kemahiran generik ini dalam pemilihan pekerja.

## **RUMUSAN**

Analisis yang dibuat menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah menunjukkan kesedaran tentang kepentingan penguasaan kemahiran generik. Pelajar tahu bahawa, mereka perlu berkomunikasi dengan baik bagi memperoleh hubungan yang baik dengan orang lain. Pelajar juga sedar bahawa jika mereka ingin maju, mereka perlu bersikap proaktif dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Tidak dinafikan masih terdapat pelajar-pelajar yang tidak begitu sedar akan kepentingan kemahiran generik, akan tetapi bilangan mereka sangat kecil. Antara kemahiran yang dikatakan sangat tidak penting adalah fasih bertutur dalam bahasa Inggeris. Segelintir pelajar pula masih tidak menyedari akan kepentingan kemahiran keusahawanan. Mereka masih tidak sedar akan potensi kemahiran tersebut jika mereka dapat menguasainya.

Dapat disimpulkan juga penerapan yang telah dijalankan oleh pensyarah di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran samada di dalam kuliah atau luar mendapat persetujuan majoriti pelajar (responden).

Pelajar-pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini bersetuju bahawa langkah-langkah yang telah dinyatakan di dalam item adalah langkah-langkah yang perlu diambil atau dibuat dalam menjana kemahiran generik dalam diri mereka terutama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Penerapan yang paling rendah mendapat persetujuan dari pelajar adalah pemberian judul buku-buku rujukan yang berkaitan dengan subjek yang dipelajari serta sesi pertukaran pendapat pelajar mengenai isu-isu semasa. Kedua-dua penerapan ini mendapat tentangan daripada sebilangan kecil responden.

Dalam menguasai kemahiran generik, kesedaran pelajar akan kepentingannya sahaja tidak memadai. Selain penerapan yang dilakukan oleh pensyarah, sikap pelajar yang dahagakan penguasaan kemahiran generik serta perlakuannya yang ke arah perubahan ini perlu ada. Hasil kajian dapat disimpulkan bahawa terdapatnya sikap proaktif pelajar-pelajar ini dimana terdapatnya inisiatif pelajar sendiri dalam usaha menjana kemahiran generik dalam diri masing-masing. Ini dapat dilihat dengan langkah yang bertanggungjawab pelajar dalam menghantar tugas sebelum tamat tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, pelajar-pelajar ini juga sering melayari internet dalam menambahkan pengetahuan yang ada.

Walaupun, terdapat sekelompok kecil pelajar yang masih tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk menguasai kemahiran generik terutamanya dalam kegiatan ko-kurikulum dan sikap pelajar yang masih enggan menjadi ketua dalam sesuatu tugas berkumpulan.

Secara keseluruhan, majoriti pelajar telah sedar akan kepentingan kemahiran generik. Majoriti pelajar juga bersetuju bahawa penerapan yang dilakukan oleh pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran adalah bertepatan dengan kemahuan pelajar yang ingin menguasai kemahiran generik ini. Selain itu, pelajar-pelajar ini juga didapati tidak hanya bergantung kepada usaha pensyarah dalam menguasai kemahiran generik, pelajar-pelajar ini sendiri juga berusaha dalam menguasai kemahiran generik dengan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab serta sentiasa menambah pengetahuan yang ada dengan melayari internet.

## **RUJUKAN**

Adam Mat (2003). "Kepentingan Kemahiran Bukan Teknikal Semasa Melakukan Tugas". Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.

Alpen, M. (1999). "Critical Workplace Competencies Ssential? Generic? Core? Employability? Non-Technical? What's In A Name?." Canadian Vocational Journal, 175-290.

Azalya Ayob (2003). " Kepentingan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Industri Elektrik/Elektronik di Bayan Lepas Pulau Pinang. Universiti Teknologi Malaysia. Thesis

Barbara, D. L. Harpe, Radloff, A. Dan Wyber, J. (2000). " Quality And Generic (Professional) Skills." Journal of Quality Higher Education, 6 (3), 232-243.

Barbara, D. L., Radloff, A., and Wyber, J. (2000). " Patterns of Core and Generic Skill Provision In Higher Education". Journal of Higher Education, 37.71-93.

Bennett, N., Dunne, E., and Carre, C. (1999). "Patterns Of Core And Generic Skill Provision In Higher Education". Journal Of Higher Education, 6(3), 232-243. Dalam Siti Hajar Razali (2005). "Persepsi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Bennett, N., Dunne, E., and Carre, C. (2000). "Skills Development in Higher Education and Employment". Buckingham: SRHE & Open University Press

Buletin Pembelajaran dan Pengajaran, Edisi 1 (Jun 2004). Universiti Teknologi Malaysia (UTM).  
Buletin pengajaran & pembelajaran, edisi 2, September (2004). Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Blum, M. C. Dan Foos, P. W. (1986), *Data Gathering Experimental Methods Plus,*” Edisi Pertama. New York: Harper And Row.

Carnavale, A. P. (1994). *America and The Economy*. Washington DC : American Society For Training and Development. (ASCD), U.S. Department of Labor. Employment and Training Administration.

Chatarina Wahyurini (2005). “ Mendengar Aktif”. *Harian Kompas* Nov. 18.

Cheung, Chi-Kim Dan Lewis, D. (1998). “Expectation Of Employers Of High School Levels In Hong Kong”. *Journal Of Vocational Education And Training*. Vol.15, No.1, 97-111.

Dale, R. (1985). “Education, Training And Employment”. Pergamon Press In Association With The Open University, England.

Esa Abd. Samad (2000). ” Pencapaian Akademik Bukan Jaminan Kerjaya”. Siswa Julai. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.